

JPS Gombak terpaksa belanja besar

SEKURANG-kurangnya RM9 juta telah diperuntukkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Gombak tahun ini menaik taraf sungai dan menyelesaikan masalah banjir.

Projek yang telah disiapkan melibatkan Kampung Lee Kim Sai sebanyak RM2.5 juta dan Taman Garing Utama bernilai RM1.5 juta di Rawang.

Timbalan Jurutera Daerah Gombak, SV Kalaiselvam berkata, antara projek yang sedang berjalan adalah di Sungai Rajah, Rawang dengan kos RM3.5 juta dan Sungai Kongsi Lapan Taman Tun Abdul Razak bernilai RM2.5 juta.

Menurutnya, beberapa kawasan juga telah diluluskan serta dalam proses membuat reka bentuk pelan.

"Kawasan panas dijangka banjir adalah Pekan Kundang, Auto City berhampiran pasar



Rumah penduduk di kawasan berdekatan turut terkena tempasnya.

borong Selayang, Sungai Gong dan Sungai Bakau.

"Dua lagi projek telah diluluskan termasuklah Pekan Kundang dan Auto City sementara kolam takungan banjir di Sungai Gong pula telah dihantar permohonan caruman parit. Ketiga-tiga projek ini di-

jangka dilaksanakan awal tahun depan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Mengulas berkenaan insiden banjir di Jalan Batu Arang-Rawang berhampiran Aeon Rawang Disember lalu apa-



Banjir terburuk tahun lalu melibatkan Jalan Sungai Bakau Batu Arang.

bila pengguna dari Bandar Country Homes, Batu Arang dan Bandar Tasik Puteri tersangkut dalam kesesakan lalu lintas akibat limpahan Sungai Gong katanya, perkara itu telah diberi perhatian.